

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Seagate Global Group kelmarin menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) bagi pembangunan teknologi tenaga hijau.

Pada majlis menandatangani MoU di Dewan Canselor itu, UMS diwakili oleh Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Ampon manakala Seagate Global Group diwakili oleh Pengerusi dan Ketua Pegawai Pelaburannya, Prof. William Lawton.

Dalam pada itu, Dr. Kamaruzaman berkata, melalui perjanjian MoU itu ia merupakan satu peristiwa penting untuk UMS bergerak ke hadapan dalam pembangunan teknologi hijau.

Di mana katanya, konsep tenaga hijau merupakan salah satu keutamaan utama universiti itu dan UMS mempunyai satu kempen terhadap penjimatkan tenaga.

Beliau berkata, antara komponen dalam MoU itu ialah mencadangkan untuk program perintis untuk Inkubator bagi Solar Energy Demonstrating Green Technology and affordable construction techniques (mencadangkan program pailot untuk tenaga suria menunjukkan tenaga hijau dan teknik-teknik pembinaan mampu).

"Seagate Global Group akan membina satu bangunan bagi tujuan show-case yang saya percaya sebagai pelopor bangunan di kampus di Malaysia yang menggunakan teknologi hijau," katanya.

Beliau berkata, komponen lain dalam MoU itu ialah mencadangkan Resort Kebudayaan Kampung UMS (UMS Cultural Resort Village).

Menurutnya, cadangan itu dibuat dalam mesyuarat pertama kedua pikak, di mana Seagate Global Group akan menjadi rakan kepada UMS dalam membangunkan pantai yang cantik di UMS.

Cadangan lain dalam MoU itu ialah untuk loji tenaga suria UMS (UMS Solar Power Plant) dan UMS dan Tsinghua

UMS bergerak bangunkan teknologi hijau



TANDATANGANI...Dr Kamaruzaman (kiri) bersama-sama Prof William ketika menandatangani MoU itu kelmarin.

University Sisterhood Program.

Dr. Kamaruzaman berharap melalui MoU tersebut Seagate Global akan menjadi pintu utama untuk pelajar antarabangsa ke UMS dan Malaysia yang pada masa ini UMS mempunyai pelajar antarabangsa dari China.

Manakala kerjasama lain yang dipersejui oleh kedua belah pihak ialah pertanian dan projek yang berdasarkan komuniti.

Dr. Kamaruzaman berkata, Seagate

Global Group memiliki teknologi dan kemampuan kewangan yang mana sangat diperlukan untuk pembangunan masa depan UMS.

"Ia boleh dicapai dengan baiknya melalui platform yang dicipta melalui MoU ini untuk situasi "menang-menang" antara kedua belah pihak," tambahnya.

Beliau juga berharap kumpulan petugas khas akan ditubuhkan untuk pelaksanaan MoU itu supaya ianya boleh dijemlakan dalam bulan depan.